

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENCAPAIAN PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI
BAGI PROJEK-PROJEK MSC
Lokasi : BANGUNAN SAPURA, THE MINES RESORT CITY
Tarikh : 08-07-2002

Pengerusi Majlis,

(YBhg. Tan Sri Dato' Seri Shamsuddin Abdul Kadir, Pengerusi dan Pengasas Kumpulan SAPURA)

YBhg. Datuk Dr. Muhammad Rais Bin Abdul Karim, Ketua Pengarah MAMPU YBhg.

Datuk Shahril bin Shamsuddin, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SAPURA Dan Dif-Dif yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.

Segala pujian bagi Allah yang dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita berkumpul dalam majlis ini dan semoga segala usaha kita mendapat keberkatan dan keredaanNya jua.

2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada SAPURA dan MAMPU atas daya usaha menganjurkan Majlis Penyampaian Sijil Pencapaian kepada para peserta Program Pemindahan Teknologi bagi Projek-Projek MSC, dan tahniah kepada semua organisasi yang terlibat khususnya agensi-agensi tunjak kepada Projek Sekolah Bestari, iaitu Kementerian Pendidikan, ICU yang menerajui Projek PMS dan MAMPU bagi projek Generic Office Environment atau GOE, serta INTAN yang juga menyumbang kepada program ini.

3. Kita semua maklum MSC adalah satu agenda besar Kerajaan untuk melonjakkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam pembangunan ICT di rantau ini. Salah satu inisiatif penting di bawah MSC ialah pelaksanaan beberapa aplikasi perdana termasuk Sekolah Bestari dan Kerajaan Elektronik. Keseluruhan konsep pembangunan aplikasi perdana ini adalah sesuatu yang baru dan pada permulaannya tidak ramai antara kita, sama ada di sektor awam atau swasta yang benar-benar jelas mengenai cara melaksanakannya. Dengan itu, pendekatan kita ialah untuk melibatkan banyak pihak yang pakar bukan sahaja untuk mencadangkan konsep tetapi juga dalam melaksanakan projek-projek berkenaan. Cara ini membuka peluang untuk berkongsi kepakaran dan juga membentuk semangat kerjasama melalui perkongsian pintar antara sektor awam dengan konsortium yang terlibat, selaras dengan konsep Persyarikatan Malaysia. Penyertaan yang meluas ini telah memberi peluang kepada banyak syarikat ICT tempatan untuk sama terlibat sambil menimba pengalaman. Sebagaimana biasa, apabila ramai pihak yang terlibat maka isu-isu seperti perbezaan pendapat, penyelarasan yang kurang licin dan masalah kesinambungan menjadi lebih menyerlah berbanding dengan pelaksanaan projek yang diterajui oleh satu atau dua syarikat sahaja.

4. Projek Sekolah Bestari, PMS dan GOE telah melalui proses yang sama. Banyak yang telah kita pelajari dan banyak pula cabaran yang dilalui. Namun, seharusnya kita melihat itu semua sebagai suatu proses pembelajaran yang mempunyai natijah yang amat bernilai dan perlu dilihat dari sudut yang positif.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

5. Pada pagi ini, saya tidak berhajat untuk mengambil banyak masa tuan-tuan dan puan-puan, hanya sekadar menyampaikan pemerhatian saya terhadap pelaksanaan projek-projek MSC terutamanya Projek Sekolah Bestari, PMS dan GOE. Pada keseluruhannya kita harus berbangga dengan kemajuan projek-projek ini walaupun terpaksa melalui proses dan cabaran yang saya sebutkan tadi.

Yang lebih penting ialah untuk kita tumpukan perhatian kepada hasil atau manfaat yang akan diperolehi daripada projek-projek ini. Sekolah Bestari misalnya, merupakan institusi pembelajaran yang direka bentuk semula secara menyeluruh dari segi amalan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan.

Dengan terlaksananya projek ini sepenuhnya diharap dapat menyediakan generasi baru masyarakat Malaysia yang berfikiran kreatif dan inovatif, cekap menggunakan teknologi baru serta mampu mengakses serta mengurus sepenuhnya ledakan maklumat. Dilihat dalam perspektif yang lebih luas, ia merupakan satu inisiatif yang menjuruskan kepada persediaan negara untuk menghadapi persaingan global yang semakin sengit.

6. PMS merupakan satu lagi projek yang mempunyai potensi besar menyumbang kepada pembangunan negara.

Adalah diharapkan dengan adanya sistem pemantauan projek yang lebih cekap ini, isu-isu yang sering dibangkitkan seperti kelewatan dalam pelaksanaan projek atau masalah shortfall dalam perbelanjaan pembangunan dapat kita tangani dengan lebih berkesan.

7. Antara ketiga-tiga projek yang saya sebutkan tadi, GOE pada saya banyak memberi pengajaran kepada kita tentang pentingnya penerimaan pengguna terhadap sesuatu sistem baru yang diperkenalkan. Oleh kerana GOE banyak melibatkan operasi harian dan pengguna yang terdiri daripada pelbagai peringkat jawatan, maka reka bentuk sistem yang dibangunkan semestinya perlu lebih mudah dan mesra pengguna. Saya sukacita kerana projek ini telah melalui proses penilaian dan pengubahsuaian yang mengambil kira pandangan pengguna. Ini adalah penting sebelum ia diperluaskan. Kita mungkin telah tidak dapat memenuhi sepenuhnya jadual pelaksanaan asal yang ditetapkan, tetapi kita lebih yakin akan penerimaan dan kejayaannya.

8. Sementara kita meneruskan projek-projek berkenaan secara berasingan oleh agensi tunjak dan konsortium yang dilantik, kita juga harus boleh melihat projek- projek ini secara `total'. Pemerhatian saya melalui penglibatan dalam pelbagai jawatankuasa, daripada NITC sehingga kepada jawatankuasa pemandu di peringkat projek, masih terdapat beberapa isu yang memerlukan perhatian dan tumpuan. Saya nampak, salah satu isu yang masih belum kita benar-benar dapat atasi dan sering dibangkitkan dalam mesyuarat-mesyuarat yang saya pengerusikan adalah mengenai keupayaan dan kecekapan infrastruktur khususnya rangkaian. Bagi saya rangkaian yang cekap merupakan nadi dalam setiap pembangunan yang menggunakan ICT sebagai platform. Saya percaya pakar- pakar dalam bidang ICT mengakui hakikat ini dan banyak usaha telah dilakukan ke arah meningkatkan keupayaan infrastruktur penting ini.

9. Satu lagi aspek yang harus diberi fokus yang berterusan ialah penyelarasan antara pihak-pihak yang terlibat dalam kedua-dua sektor awam dan swasta kerana hanya melalui penyelarasan yang rapi sahaja dapat kita mengintegrasikan aplikasi-aplikasi perdana MSC terutama yang banyak berkait dan lengkap melengkapi antara satu dengan lain. Kita masih terus perlu berbincang, berunding dan bertukar pengalaman dan kepakaran dan perlu lebih fokus dan menjurus kepada isu-isu kritikal.

Yang lebih penting ialah kita mengambil iktibar dan belajar dari masalah dan kekangan yang dihadapi dan memperbaharui semangat untuk menentukan kelancaran pelaksanaan semua projek yang kita bangunkan. Saya amat yakin bahawa semangat kerjasama dan hubungan simbiotik yang kita telah jalinkan melalui konsep yang berlandaskan Persyarikatan Malaysia akan terus menjadi pendorong utama kepada kejayaan masa depan kita.

Hadirin sekalian,

10. Hari ini kita meraikan salah satu penghasilan daripada kerjasama yang terjalin melalui pelaksanaan projek-projek tersebut, iaitu pemindahan teknologi atau transfer of technology , ringkasnya TOT -. Inilah juga satu-satunya pembelajaran penting daripada setiap projek yang kita laksanakan bersama. Saya sukacita kerana dalam semua projek-projek MSC, TOT adalah satu butiran yang secara jelas dimasukkan dalam setiap kontrak. Ini berbeza dengan projek-projek pembangunan sebelum ini di mana TOT hanya disebutkan sahaja untuk disediakan tanpa dinyatakan secara khusus dalam perjanjian. Saya bersetuju dengan saranan supaya amalan menjadikan elemen TOT sebagai sesuatu yang mesti di dalam perjanjian akan diteruskan bagi projek-projek pada masa hadapan.

11. Saya mengucapkan syabas kepada peserta-peserta yang terpilih sebagai penerima teknologi atau technology recipients dalam program-program yang telah diatur. Saya difahamkan di peringkat awal pelaksanaan projek, pelbagai rungutan disuarakan oleh mereka yang terpilih tentang beban kerja tambahan kerana dilantik sebagai penerima teknologi. Saya percaya selepas melalui proses pemindahan teknologi ini, mereka yang berkenaan tentunya menyedari betapa beruntungnya mereka kerana diberi peluang untuk mendapat ilmu dan pengalaman baru, berbanding dengan rakan-rakan yang lain. Sebenarnya nilai sesuatu tugas yang diberi bergantung kepada persepsi dan penerimaan minda kita.

Mereka yang berfikiran positif akan menilai sesuatu yang baru sebagai peluang keemasan yang amat rugi jika dilepaskan. Faedah yang diperolehi bukan sahaja untuk organisasi tetapi bagi diri sendiri. Sebaliknya kepada yang berfikiran negatif, perlantikan sebagai penerima teknologi akan dianggap sebagai satu beban tanggungjawab yang menyusahkan, akhirnya mereka tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya. Mereka gagal untuk melihat hubungan peranan mereka dengan kejayaan projek dan seterusnya kepada pembangunan negara.

12. Kita harus bermula dari sumbangan yang kecil di peringkat individu. Kemudian, kita kembangkan ilmu pengetahuan dan teknologi baru ini kepada kumpulan yang lebih besar. Saudara dan saudari adalah kumpulan teras yang diharap dapat mengembangkan ilmu dan pengalaman baru ini. Proses perkongsian ini akan menjana dan memperkayakan ilmu secara lebih meluas dan pada peringkat ini sumbangan kepada negara keseluruhannya akan lebih ketara. Tetapi, untuk terus berjaya kita harus terbuka untuk menerima sesuatu yang baru dan sentiasa dahagakan ilmu. Dalam era kemajuan ICT yang bergerak pantas, mereka yang alpa dan berpuashati dengan apa yang dimiliki akan ketinggalan. Semakin lama semakin jauh jurangnya dan semakin sukar pula untuk mengejar dan merapatkan jurang tersebut. Kita perlu ingat bahawa persaingan yang akan dihadapi bukan lagi sesama sendiri di gelanggang yang dilindungi, tetapi adalah dengan pesaing-pesaing luar yang lebih hebat dalam persekitaran terbuka dan penuh cabaran.

Kita tidak ada jalan pintas kecuali berusaha sepanjang masa bagi meningkatkan keupayaan dan daya saing. MSC adalah salah satu pemangkin yang diharap dapat menjurus kita ke matlamat ini dan bukan sekadar untuk mengadakan bandar yang indah dengan bangunan baru, dilengkapi infrastruktur canggih dan landskap yang menarik.

13. Sekali lagi, saya mengucapkan tahniah kepada yang terlibat dan yang akan menerima sijil pada pagi ini dengan harapan saudara-saudara dan saudari-saudari akan terus menjalankan proses pembelajaran dalam bidang masing-masing untuk kejayaan projek dan pada masa yang sama bagi peningkatan kerjaya dan kemajuan diri. Saya juga berharap semoga hasil pembelajaran melalui program TOT seumpama ini dapat meningkatkan dorongan dan memberi iktibar kepada pelaksanaan projek-projek akan datang.

14. Bagi pihak Kerajaan, saya mengucapkan terima kasih kepada SAPURA, rakan kongsi kita dalam banyak projek- projek berteraskan ICT. Dalam bidang pemindahan teknologi ini, SAPURA telah merintis jalan membangunkan model yang dikenali sebagai TOTeRM. Saya berharap model ini dapat dikembangkan penggunaannya pada masa- masa akan datang. Semoga usaha murni dan kerjasama erat yang terjalin melalui projek-projek bersama ini dapat terus meningkatkan keupayaan negara, khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi. Yang jelas kerjasama ini membuktikan bahawa kedua-dua sektor awam dan swasta saling berganding bahu dan seiring untuk menjayakan satu matlamat, iaitu kemajuan dan kemakmuran negara. We are just one country, one mind.

15. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Sijil Pencapaian Program Pemindahan Teknologi dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat menjayakan program ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.